



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI MAHDZIR
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR**

**JELAJAH MINI KARNIVAL
KELUARGA MALAYSIA FELCRA
BERHAD MALAYSIA**

1 OKTOBER 2022 (SABTU)

**Assalamualaikum, Salam Sejahtera
dan Salam Keluarga Malaysia.**

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayahNya, kita dapat berhimpun pada hari ini

dalam semangat dan azam baharu yang terus membara.

2. Pertemuan ini merupakan satu peluang yang baik untuk kita berkongsi dan berinteraksi sesama kita di dalam suasana mesra yang berteraskan **Aspirasi Keluarga Malaysia**.
3. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin mengambil kesempatan bagi merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada FELCRA Berhad serta pihak-pihak

yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini.

4. Tanpa komitmen yang diberikan, program pada hari ini semestinya tidak dapat dijayakan.

PENDIDIKAN ASET PENTING MENGUBAH TARAF KEHIDUPAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

5. Kemiskinan hidup tidak seharusnya dijadikan alasan ibu bapa di

kawasan luar bandar untuk mengabaikan pendidikan anak-anak mereka. Malah, Kerajaan sentiasa dekat di hati warga desa di dalam menghulurkan bantuan demi memperkasakan pendidikan untuk anak-anak desa.

6. Kita perlu menyedari bahawa pendidikan adalah merupakan aset terpenting dan mampu mengubah taraf hidup sama ada anak itu sendiri atau pun keluarga pada masa hadapan.

7. Isu kemiskinan di luar bandar akan berlarutan jika pendidikan masih tidak menjadi keutamaan. Oleh yang demikian sebagai ibu bapa, kita harus memastikan sedaya upaya agar mereka mendapat pendidikan terbaik sehingga ke peringkat yang tertinggi.

8. Ini kerana pendidikan telah membuktikan sebagai satu pendekatan efektif untuk membanteras kemiskinan kerana ia membolehkan seseorang itu meningkatkan taraf sosio-ekonomi

serta taraf hidup keluarga masing-masing seterusnya berjaya keluar dari kemiskinan hidup.

9. Bagi memastikan anak-anak di kawasan luar bandar tidak tercicir dari arus pendidikan, FELCRA Berhad telah menyalurkan bantuan Zakat Pelajar Cemerlang dalam mengurangkan beban ibu bapa untuk menampung kos pendidikan anak-anak mereka.

10. Insha Allah saya dimaklumkan pada hari ini seramai **120 orang anak-anak** dalam kalangan asnaf yang akan menerima bantuan persekolahan daripada FELCRA Berhad.

11. Bantuan ini merupakan tanggungjawab sosial yang FELCRA Berhad laksanakan demi memastikan masyarakat luar bandar dapat menikmati kehidupan serta mampu berjaya sama seperti anak-anak di bandar.

12. Semoga usaha baik ini dapat diperluaskan ke negeri-negeri yang lain dan akan dapat dinikmati oleh lebih ramai anak-anak di luar bandar.

PROGRAM PEMBANGUNAN TANAH TERBIAR TERUS DIPERGIATKAN

13. Umum mengetahui bahawa FELCRA Berhad terus mengungguli pembangunan tanah terbiar di kawasan luar bandar. FELCRA

Berhad telah berjaya membangunkan tanah-tanah pinggir yang bermasalah, terbiar dan berselerak.

14. Tanah-tanah yang tidak mempunyai nilai pasaran, dipandang sepi serta kurang berdaya maju telah dibangunkan serta impak pembangunannya dirasai sepenuhnya oleh masyarakat sekeliling.

15. Tanah - tanah tersebut telah dipulihkan dengan tanaman

komersial menggunakan teknologi moden serta beroperasi secara sistematik yang dapat mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga manusia yang kini telahpun mencapai keluasan sehingga lebih daripada 200 ribu hektar di seluruh Malaysia.

16. Berdasarkan aspirasi di atas, di dalam konteks di Negeri Kelantan, FELCRA Berhad akan melaksanakan **Projek Pembangunan Kampung Sokor dalam Jajahan Tanah Merah**

dengan keluasan hampir 175 hektar atau 70 lot dengan tanaman sawit yang akan dilaksanakan secara berperingkat di bawah konsep penyatuan dan pemuliharaan tanah terbiar (PNP).

17. Projek penyatuan dan pemuliharaan tanah terbiar ini akan memberikan kesan pembangunan langsung **kepada 70 orang keluarga atau hampir 280 orang isi rumah.** Peserta bukan sahaja mendapat manfaat langsung daripada aktiviti pembangunan komuniti tetapi

pembangunan lain yang melibatkan komuniti iaitu institusi, kepimpinan dan keusahawanan.

18. Seterusnya, pengurusan FELCRA Berhad akan terus mengenalpasti beberapa kawasan baharu yang berpotensi untuk dimajukan di Negeri Kelantan terutama di Daerah Rantau Panjang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Saya amat menyakini dengan kehadiran FELCRA Berhad di lokasi

tersebut, kawasan-kawasan sekitarnya turut akan menerima impak pembangunan yang mampu mengubah kehidupan tuan/puan sekalian menerusi aktiviti-aktiviti limpahan ekonomi secara langsung.

20. Sehingga kini, FELCRA Berhad telah memajukan **melebihi 25 ribu hektar tanah di Negeri Kelantan dan Timur** yang telah memberikan manfaat kepada hampir 9,000 orang peserta. Pengurusan bagi kawasan ini adalah di bawah urus tadbir **Pejabat FELCRA Berhad Wilayah Timur**.

PENGUKUHAN ***LANDBANK***
MEMANTAPKAN **PRESTASI**
EKONOMI

21. Pembangunan serta pengukuhan tanah milik syarikat adalah amat penting dalam mempertingkatkan taraf ekonomi negara di mana tanah-tanah tersebut akan dibangunkan dengan aktiviti ekonomi yang seterusnya meningkatkan taraf kehidupan mereka di luar bandar melalui projek pembangunan tersebut.

22. Untuk tujuan ini juga, FELCRA Berhad turut mensasarkan peningkatan luas ladang dengan **penambahan 30 ribu hektar ladang komersial di seluruh Malaysia dalam masa 5 tahun. Usaha ini juga turut tertumpu kepada usaha-usaha serius untuk mendapatkan kawasan baru milik syarikat di Negeri Kelantan.**

TERNAKAN AYAM KOMERSIAL

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan,

23. Terkini, FELCRA Berhad turut akan menembusi sektor keselamatan makanan negara melalui bidang penternakan ayam daging secara sistem tertutup bagi memenuhi permintaan domestik, membangunkan tanaman alternatif dan produk hiliran.

24. Sasaran ini melibatkan **pengeluaran ayam pedaging sebanyak 250 ribu ekor per pusingan atau 1.5 ekor ayam setahun dengan nilai pelaburan dijangka sebanyak RM20juta.**

25. Projek ini dijangka akan menyediakan banyak peluang pekerjaan yang terkait dengan industri ini di samping dapat menyediakan pembekalan ayam pedaging segar kepada rakyat pada harga yang amat berpatutan.

KE ARAH PENUBUHAN WILAYAH KELANTAN

26. Berdasarkan perkembangan-perkembangan mega seperti yang dinyatakan di atas, sudah sampai masanya FELCRA Negeri Kelantan dinaiktaraf

pengurusannya sebagai sebuah wilayah FELCRA yang baharu.

27. Adalah sangat wajar, cadangan ini direalisasikan supaya projek-projek yang dinyatakan dapat dipantau secara lebih dekat dan cepat.
28. Cadangan ini juga akan meletakkan FELCRA Berhad lebih rapat dan dekat dengan warga luar bandar di Negeri Kelantan ini bagi menjayakan lagi sasaran Aspirasi

Keluarga Malaysia yang inklusif di Negeri Kelantan Darul Naim.

PENUTUP

29. Melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh FELCRA Berhad di Negeri Kelantan ini, saya berharap ia dapat menyuntik pembangunan di negeri ini sekaligus dapat merancakkan ekonomi setempat dan memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat khususnya mereka yang berada di luar bandar.

30. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada FELCRA Berhad kerana berjaya menganjurkan program pada hari ini.
31. Dengan berakhirnya kata-kata itu tadi saya dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, merasmikan **Jelajah Mini Karnival Keluarga Malaysia Felcra Berhad Malaysia**

Sekian, terima kasih.

**WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH,
WASSALAMU'ALAIKUM
WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.**